



Prospek komoditi cerah - Shroders

KUALA LUMPUR 7 Feb. – Shroders Investment Management (Japan) Ltd. (Shroders) meramalkan pasaran komoditi di Asia dan global akan mengalami peningkatan dalam tempoh jangka panjang.

Ketua Produk Asianya, Rupert Rucker berkata, jangkaan berlakunya aliran menaik dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang adalah berdasarkan sektor berkenaan merupakan barangan keperluan asas yang mendapat permintaan tinggi.

Jelasnya, kadar permintaan sektor berkenaan diunjur meningkat ke tahap yang belum pernah berlaku selepas 20 tahun akan datang.

“Peningkatan permintaan terhadap barangan asli, komoditi dan tenaga menyebabkan ia memberi suatu aliran yang baik.

“Para pelabur juga perlu bijak memilih pelaburan masing-masing dan memastikan komoditi dan bahan asli ini menjadi pilihan mereka kerana ia memberi pulangan dalam tempoh yang panjang,” katanya kepada *Utusan Malaysia* dalam satu pertemuan di sini.

Rucker menambah, bilangan penduduk yang bertambah dari tahun ke tahun juga menyumbang kepada permintaan yang tinggi

gi dalam sektor komoditi.

Katanya, dunia akan berubah dan penduduknya akan bertambah yang menyebabkan komoditi akan digunakan dengan lebih meluas.

Beliau berkata, pertambahan populasi akan meletakkan tekanan kepada kemudahan infrastruktur sedia ada.

“Brazil, India dan China memiliki bilangan penduduk melebihi 100 juta orang yang meningkatkan permintaan dalam produk komoditi sekali gus ia merupakan satu pelaburan yang baik di kalangan pelabur.

“Pada tahun 2050, bilangan penduduk dunia akan meningkat daripada enam bilion kepada sembilan bilion orang dan 98 peratus peningkatan itu datangnya dari negara-negara ekonomi baru muncul dalam pasaran seperti China dan India,” katanya.

Selain bilangan penduduk, beliau menambah, faktor perbandaran dan pembaharuan tenaga turut meningkatkan permintaan terhadap sektor komoditi.

Katanya, proses perbandaran yang pesat bagi menampung bilangan penduduk yang ramai dan padat menyumbang kepada permintaan dalam sektor komoditi yang tinggi.